

KESEDARAN WANITA MUSLIM TENTANG HAK DAN TANGGUNGJAWAB DALAM KELUARGA DAN KERJAYA: KAJIAN KES DI UNITEN DAN UPNM

Nurulbahiah binti Awang¹, Adnan Yusoff¹, Abdul Aziz Mat Isa¹, Shamsul Badli Mohd Yusof¹, & Salma Yusof²

¹Jabatan Kemanusiaan dan Sains Sosial, Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Malaysia.

²Faculty of Defence Studies & Management, National Defence University Malaysia.

Corresponding Author: Nurulbahiah binti Awang. Jabatan Kemanusiaan dan Sains Sosial, Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Malaysia. Tel: (+60) 193720570. Email: nurulbahiah@uniten.edu.my

ABSTRAK

Kesedaran wanita tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga serta kerjaya adalah penting agar mereka tidak ditindas oleh manusia atau sistem yang tidak adil. Selain itu, kefahaman wanita terhadap hak dan tanggungjawab mereka juga penting untuk keseimbangan serta kebahagiaan hidup. Selari dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa golongan wanita, kajian ini meninjau sejauhmana kesedaran pekerja wanita Muslim di UNITEN dan UPNM terhadap hak dan tanggungjawab mereka dalam keluarga serta kerjaya. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa pekerja wanita Muslim berusaha untuk memahami dengan baik hak dan tanggungjawab mereka untuk mencapai keseimbangan antara keluarga dan kerjaya. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik melibatkan seramai 290 orang responden daripada latarbelakang yang pelbagai. Manakala perisian SPSS versi 23 digunakan untuk menganalisa soal selidik tersebut. Kajian mendapati secara keseluruhannya pekerja wanita Muslim di UNITEN dan UPNM mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap hak dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan kerjaya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberikan perhatian berkaitan wanita bekerja terutama berkenaan peruntukan undang-undang dan polisi berkaitan wanita.

Kata kunci: Hak; Tanggungjawab; Wanita; Kerjaya; Keluarga; Keseimbangan hidup; Pembangunan modal insan.

(THE AWARENESS OF MUSLIM WOMEN ON THEIR RIGHTS AND RESPONSIBILITIES WITHIN FAMILY AND CAREER: THE CASE STUDY AT UNITEN AND UPNM)

ABSTRACT

Women's awareness of their rights and responsibilities within a family and career is essential to prevent them from being subjugated by others or an unjust system. Apart from that, women's comprehension of their rights and responsibilities are also imperative for their happiness and well-balanced life. In line with the government's aspiration to empower women, this study examines the extent to which the Muslim women workers at UNITEN and UPNM are aware of their rights and responsibilities within families and careers. The aim is to ensure that Muslim women workers strive to understand their rights and responsibilities better to achieve a balance between their families and careers. This study is quantitative using the survey instrument involving 290 respondents from various backgrounds. Meanwhile, the SPSS version 23 software was applied to analyze the survey. This study found that overall, the Muslim women workers in UNITEN and UPNM have a high awareness of their rights and responsibilities towards their families and careers. However, several important aspects regarding the women workers' awareness of the provision of law and policies related to women need to be addressed.

Keywords: *Rights; Responsibilities; Women; Career; Family; Balanced-life; Human capital development.*

Received: July 28, 2019

Accepted: November 21, 2019

Online Published: December 29, 2019

1. Pendahuluan

Wanita adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang menjadi tonggak kepada kejayaan sesebuah bangsa dan negara. Dalam arus perubahan yang mendambakan peranan wanita dalam pelbagai bidang, kaum wanita menghadapi cabaran peranan yang paling besar kerana mereka diminta bukan sahaja kekal memainkan peranan utama sebagai surirumah tetapi juga dalam pembangunan negara dan bangsa (Hwa, 2017: 29). Perubahan peranan ini memberi impak yang besar kepada ekonomi negara, peranan dan tanggungjawab dalam keluarga, hubungan suami isteri, ibubapa yang seterusnya mempengaruhi pembentukan masyarakat dan negara.

Wanita adalah ibu, isteri atau anak dalam sesebuah keluarga yang membentuk sebuah masyarakat. Tanpa wanita, dunia ini akan hambar dan keturunan manusia juga akan pupus. Walaupun wanita hari ini memberikan sumbangan penting kepada negara dan bangsa dalam sektor pekerjaan, tetapi golongan wanita masih membawa peranan ibu, isteri atau anak semasa bekerja. Oleh kerana mereka masih membawa peranan utama mereka semasa bekerja, kebanyakan majikan menganggap pekerja wanita sebagai aset yang tidak menguntungkan kerana sering mengutamakan keluarga daripada kerjaya (Mohd. Zin, 2017: 90-91). Malah terdapat kajian yang mendapati wanita bekerja kerana perlu menanggung ibu bapa dan dalam kes-kes tertentu untuk menjaga adik-beradik dan saudara mara yang lain (Rahman, Kashim, & Pitchan, M2017: 5). Keadaan ini menyebabkan tekanan kepada wanita bekerjaya apabila dibebankan dengan tanggungjawab yang berat dan gagal untuk menyeimbangkan di antara keluarga dan kerjaya.

Terdapat juga salah faham terhadap peranan wanita dalam masyarakat. Wanita dianggap tidak berharga dan hanya pemuas hawa nafsu lelaki sahaja. Dalam masyarakat, lelaki dianggap berkuasa dan kaum wanita perlu sentiasa berkorban demi untuk kebahagiaan orang lain terutama suami dan anak-anak (Abdullah, 1985: 84). Wanita juga diletakkan pada status yang lebih rendah berbanding lelaki dalam kerjaya dan masyarakat sehingga pendapat mereka tidak diberikan perhatian. Disebabkan oleh kefahaman yang salah berkenaan status wanita tanpa berlandaskan nas-nas syarak dan kefahaman yang jelas tentang nas tersebut menyebabkan berlaku penindasan, kezaliman dan diskriminasi terhadap wanita. Sedangkan wanita mempunyai peranan, hak dan tanggungjawab yang sama penting dengan lelaki walaupun melalui cara pelaksanaan yang berbeza (Al-Quran, An-Nisaa': 124, al-Lail: 3-4). Kurangnya kesedaran wanita tentang hak dan tanggungjawab mereka meninggalkan kesan negatif bukan sahaja kepada diri mereka sendiri tetapi juga kepada ahli keluarga dan majikan yang merupakan komponen penting dalam hidup mereka. Kesan terhadap kurangnya pengetahuan dan kefahaman terhadap hak dan pelaksanaan tanggungjawab boleh menjejaskan emosi, kesihatan dan spiritual mereka malah terkesan kepada hubungan sosial di sekeliling mereka terutama hubungan kekeluargaan dan kerjaya.

Dunia hari ini bertungkus lumus untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). SDG yang dirangka hanya akan tercapai dengan jayanya sekiranya manusia atau generasi yang bakal memimpin dunia dididik dengan kefahaman yang baik dan benar tentang kelestarian alam. Merujuk kepada "Sustainable Development Goals Voluntary National Review 2017" yang telah dibentangkan di peringkat tertinggi, pihak kerajaan akan memberi fokus kepada pemerkasaan peranan wanita dalam pembangunan negara serta mempromosi kehidupan yang seimbang kepada wanita dalam kerjaya dan rumahtangga (Musa, Husin, & Amin, S2018: 138-139). Malah dalam pembentangan Bajet 2020 juga, kerajaan memperuntukkan 30 juta untuk kemudahan penjagaan kanak-kanak terutama di sekolah dan hospital menunjukkan bahawa kerajaan amat mementingkan keseimbangan kerjaya dan keluarga terutama untuk wanita bekerjaya. Mereka yang terlibat secara langsung dalam pembangunan modal insan ini ialah wanita-wanita yang bergelar ibu dan wanita yang bakal menjadi ibu suatu ketika nanti. Walau bagaimanapun, pemerkasaan wanita dan kesaksamaan gender perlu selari dengan peranan dan tanggungjawab wanita secara fitrah. Peranan wanita tidak boleh lari daripada pendidikan dan perkembangan anak-anak dalam institusi keluarga. Wanita perlu faham bukan sahaja tentang hak mereka tetapi juga tanggungjawab mereka untuk mencapai matlamat pembangunan lestari dan keseimbangan dalam hidup. Kesedaran tentang hak semata-mata menjadikan manusia samada wanita ataupun lelaki seorang yang bersifat individualistik dan membawa kepada ketidakadilan (Awang, & Nik Saleh, 2017: 87-88). Oleh sebab itu, hak dalam Islam seringkali dikaitkan dengan tanggungjawab agar setiap individu memikirkan akibat dan manfaat kepada masyarakat sekeliling.

Oleh itu, kajian tentang kesedaran hak dan tanggungjawab wanita Muslim di UNITEN dan UPM ini amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan lestari dengan memupuk kesedaran wanita terhadap hak dan tanggungjawab mereka untuk mencapai keseimbangan dalam kerjaya dan rumahtangga.

2. Konsep Hak dan Tanggungjawab Dalam Islam

Penilaian hak dan tanggungjawab amat berkait rapat dengan amalan agama, adat dan budaya serta undang-undang dalam sesebuah masyarakat. Persoalan hak dan tanggungjawab dalam masyarakat yang mempunyai latarbelakang, cara hidup, agama, budaya dan undang-undang yang berbeza sudah tentu tidak sama. Hak dan tanggungjawab seorang Muslim tidak semestinya sama dengan hak dan tanggungjawab bukan Muslim begitu juga sebaliknya.

Manakala kefahaman yang tidak jelas berkenaan hak dan tanggungjawab Muslim boleh menyebabkan kejahilan dan kezaliman dalam masyarakat. Ini kerana hak dan tanggungjawab sebagai Muslim mempunyai hubungan dengan hak dan tanggungjawab kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan salah faham berkenaan hak-hak wanita dalam konteks masyarakat Islam, kesedaran dan kefahaman berdasarkan nas-nas syarak dan perbahasan ulama amat penting untuk menyeimbangkan kehidupan wanita terutama terhadap keluarga dan kerjaya.

Menurut *Pusat Persuratan Bahasa Melayu DBP Versi 2* (2019), hak dari sudut bahasa ialah benar, kebenaran, kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu dan ia ditentukan oleh undang-undang, agama dan adat istiadat dan lain-lain. Manakala maksud hak dari sudut istilah ialah hak dan kewajiban terhadap sesuatu yang dapat dipunyai atau dikuasai, baik yang berupa benda mahupun yang berupa kekuasaan (Mokhtar, 2016: 97; Syafii, 1995: 273). Dari perspektif sumber hukum Islam, Al-Qur'an telah menyebut perkataan 'hak' atau 'hak-hak' sebanyak 287 kali dan digunakan untuk merujuk kepada 18 maksud yang berbeza (Mohammad, 2003: 65). Ia memberi maksud hakikat kewujudan, fakta, kebenaran, kuasa, tuntutan hak, manfaat, kemaslahatan dan sebagainya. Maksud-maksud hak yang berbeza ini adalah merujuk kepada konteks dan tujuan yang berbeza dalam ayat-ayat al-Quran. Ini membuktikan bahawa persoalan berkenaan hak adalah amat dititiberatkan dalam Islam kerana ia berkait rapat dengan perbuatan seharian seorang manusia.

Maksud hak berkaitan wanita ini telah disebutkan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 228:

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ اللَّهُ فِي أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنْنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ وَبِعَوْلَتِهِنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا ۚ وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۚ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa idah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai. Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Dalam ayat di atas jelas bahawa wanita mempunyai hak yang seimbang dan sesuai dengan wanita dengan cara yang ma'ruf. Tafsiran ma'ruf dalam ayat ini dalam kitab tafsir pimpinan Ar-rahman (JAKIM, 2001) ialah dengan cara yang sepatutnya yang tidak dilarang oleh syarak iaitu sebagaimana seorang isteri menanggung kewajiban terhadap suaminya yang wajib dilaksanakan dengan baik, maka si suami juga menanggung kewajiban untuk melaksanakan dengan baik terhadap isterinya. Ini termasuk juga layanan dari segi fizikal, emosi dan biologinya iaitu nafkah zahir dan batin. Rasulullah SAW juga pernah

memberikan nasihat dan peringatan kepada kaum lelaki agar memberikan hak yang sepatutnya kepada kaum wanita semasa Khutbah terakhir baginda.

Dalam kehidupan seorang wanita mahupun lelaki, hak dan tanggungjawab mesti seiring. Menurut kajian yang dibuat oleh Nik Saleh (2012), maksud hak digunakan seiring dengan tanggungjawab. Oleh itu, tuntutan hak tanpa penunaian tanggungjawab adalah tidak adil. Begitu juga menjalankan tanggungjawab tanpa mendapatkan hak yang sepatutnya juga tidak adil sehingga akhirnya membawa kebinasaan dan kezaliman kepada diri sendiri. Islam telah menyatakan hak dan tanggungjawab yang adil dan seimbang kepada wanita dan lelaki dan dikurniakan wahyu dan akal untuk sama-sama berperanan dalam mencapai keseimbangan hidup. Pesanan Rasulullah SAW adalah jelas agar seorang lelaki memberikan hak yang sepatutnya kepada wanita apabila mereka telah menunaikan kewajibannya. Hak yang dimaksudkan merangkumi layanan fizikal dan emosi. Sebagaimana Rasulullah SAW menasihati golongan lelaki untuk melayani wanita dengan lebih baik (Nazri, et al., 2016). Ia juga bertepatan dengan makna ayat Al-Quran dalam Surah An-Nisa' ayat 19 di mana Allah SWT melarang orang-orang yang beriman daripada menyakiti wanita.

3. Hak dan Kemuliaan Seorang Wanita Dalam Islam

Hak dan kemuliaan wanita dapat dilihat dari segi penciptaannya sehingga disebutkan di dalam Al-Quran. Hawa ialah manusia wanita pertama yang dijadikan oleh Allah SWT selepas Nabi Allah Adam AS. Hawa dijadikan sebagai pelengkap, pembantu dan penyeri kehidupan Nabi Allah Adam seterusnya untuk mengembangkan zuriat keturunan Nabi Adam AS. Di dalam surah An-Nisa' ayat 1, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Hak dan kemuliaan seorang wanita berkait rapat dengan kehidupan seorang lelaki kerana Allah SWT. menyuruh lelaki untuk mencari ketenangan hidup melalui hubungan penuh kasih sayang dan belas ehsan dengan wanita (isteri) iaitu melalui ikatan perkahwinan. Dijelaskan dalam Al-Quran surah Ar-Rum ayat 21, Allah SWT berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

“Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya, bahwa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesadaran) bagi orang-orang yang berfikir”

Manakala dalam surah al-Nisa’ ayat 124 Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَبِيًّا

Maksudnya:

Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun.

Dalam ayat ini pula Allah SWT menjelaskan tentang hak dan kemuliaan wanita Muslimah dari sudut aqidah dan amal solehnya. Wanita tidak terkecuali daripada ganjaran besar di sisi Allah dengan cara hidup beragama. Wanita Muslimah diiktiraf sebagai hamba Allah yang mana mereka mempunyai tanggungjawab yang sama dengan lelaki untuk beribadah kepada Allah, mendapat pahala dan keredhaan Allah SWT (Ibn Kathir, 2005; Mokhtar, 2016: 99).

Oleh kerana isteri merupakan pembantu, pelengkap dan rakan kongsi kepada suami dalam sebuah keluarga, maka pelaksanaan tanggungjawab antara suami dan isteri adakala berbeza sesuai dengan peraturan-peraturan yang Allah tetapkan terutama hal rumahtangga. Hak dan tanggungjawab tersebut adalah bersesuaian dengan sifat dalaman (spiritual) dan luaran (fizikal) seorang wanita mahupun lelaki.

Hak dan kemuliaan seorang wanita juga bertambah apabila mereka menjadi ibu dalam sebuah keluarga. Al-Quran menjelaskan tentang penghormatan dan kemuliaan yang patut diberikan oleh seorang anak kepada seorang wanita (ibu) dalam surah Luqman ayat 14:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

Maksudnya:

Dan Kami perintahkan kepada manusia agar berbuat baik kepada ibubapanya; ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukan dalam dua tahun. Bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua-dua ibu dan bapamu. Hanya kepadaKu lah kamu akan dikembali”

Peranan seorang ibu amat penting untuk menjamin kelangsungan terhadap usaha melahirkan generasi masyarakat yang terdidik dengan roh Islam yang mampu mengamalkan nilai-nilai rabbani dalam kehidupan mereka (Majid, & Saleh Hudin, 2017: 42). Disebabkan oleh peranan besar seorang ibu dalam sebuah keluarga, Rasulullah SAW juga telah menjawab pertanyaan seorang sahabat tentang kebaktian kepada ibu dan bapa dengan menganjurkan tiga kali ganda kebaktian untuk ibu berbanding ayah, sebagaimana

hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan status *hasan*. Selain daripada berperanan dalam rumahtangga sebagai isteri dan ibu, Islam juga mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam masyarakat. Seorang wanita bertanggungjawab terhadap lingkungan jiran tetangga serta komuniti sosialnya. Keadaan tersebut menuntut peranan wanita tidak hanya dalam urusan peribadinya sebagai isteri atau ibu, tetapi juga kehidupan politik (Mokhtar, 2016: 101). Tuntutan berdakwah dalam Islam iaitu menyuruh berbuat baik dan mencegah kemungkaran juga meliputi golongan wanita agar kaum wanita juga memiliki kefahaman dan pengetahuan tentang perkara fardhu ain dan fardhu kifayah yang mantap. Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۖ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Dan orang yang beriman lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengah yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi Rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Justeru itu, wanita mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan. Oleh itu, kesedaran tentang hak dan tanggungjawab wanita dalam keluarga dan kerjaya adalah amat penting kerana kajian mendapati bahawa antara faktor utama yang menjadi punca masalah keretakan rumah tangga dalam kalangan pasangan suami dan isteri ialah berkenaan pengabaian tanggungjawab dan turut menyumbang ialah faktor kerjaya (Majid, & Saleh Hudin, 2017: 52). Oleh yang demikian, kefahaman secara menyeluruh tentang hak, peranan dan tanggungjawab wanita mahupun lelaki dalam rumahtangga dan kerjaya dapat menyelesaikan permasalahan konflik peranan dalam kalangan pekerja wanita.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data diperolehi daripada soal selidik yang dibuat secara bersemuka dan juga melalui emel terhadap 290 orang staf wanita Muslim di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Olahan terhadap data soal selidik dibuat menggunakan perisian SPSS Versi 23. Manakala justifikasi terhadap data dibuat secara diskriptif merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan menerusi pembacaan jurnal dan buku.

5. Maklumat Responden

Responden dalam kajian ini adalah sebanyak 290 orang yang terdiri daripada warga kerja wanita Muslim di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) (Kampus Putrajaya dan Muadzam) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Keseluruhan maklumat demografi responden akan dihuraikan secara statistik deskriptif. Demografi responden menerangkan taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan aspek umur, status perkahwinan, pendapatan bulanan, tahap pendidikan, kategori pekerjaan, tujuan bekerja, status pekerjaan

suami, kategori pekerjaan suami, pendapatan isi rumah, bilangan anak, pernah menyertai kursus/seminar wanita dan sumber rujukan berkaitan hak-hak wanita.

Dapatan berdasarkan umur menunjukkan responden tertinggi adalah dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 132 responden atau 45.5%. Bagi aspek status perkahwinan pula, majoriti daripada responden sudah berkahwin dengan jumlah 205 responden atau 70.7%. Manakala statistik dari segi pendapatan bulanan menunjukkan 54 responden atau 18.6% adalah berpendapatan kurang daripada RM 2000 sebulan. Sebanyak 124 responden atau 42.8% pula berpendapatan RM 2000 hingga RM 4000 sebulan. Manakala 97 responden atau 33.4% berpendapatan RM 5000 hingga RM 9999 sebulan. Hanya 14 responden atau 4.8% daripada 290 responden yang berpendapatan RM 10000 hingga RM 14999 dan hanya seorang responden berpendapatan lebih RM 15000.

Berdasarkan jadual 1, responden yang mempunyai tahap pendidikan sarjana adalah paling tinggi iaitu 93 responden atau 32.1%. Seterusnya, bagi kategori pekerjaan pula, kebanyakan responden merupakan ahli akademik iaitu berjumlah 133 responden atau 45.9%. Dapatan kajian untuk tujuan bekerja dalam kalangan wanita menunjukkan sebanyak 147 responden atau 51.0% menjawab bahawa mereka bekerja untuk kepuasan sendiri. Bagi status pekerjaan suami, majoriti daripada responden mempunyai suami yang berkerja iaitu sebanyak 180 responden atau 62.1%. Manakala majoriti status pekerjaan suami adalah bukan eksekutif dengan 94 responden atau 32.4%.

Kajian mendapati pendapatan isi rumah untuk 118 responden atau 40.7% berpendapatan isi rumah dalam lingkungan RM 5000 hingga RM 9999. Manakala majoriti responden iaitu 143 responden atau 49.3% mempunyai bilangan anak antara 1 hingga 3 orang.

Jadual 1. Demografi Responden

Demografi	Perincian	Frekuensi	Peratusan
Umur	20-30 tahun	85	29.3
	31-40 tahun	132	45.5
	41-50 tahun	57	19.7
	51 tahun >	16	5.5
Status Perkahwinan	Berkahwin	205	70.7
	Bujang	64	22.1
	Ibu tunggal	21	7.2
Pendapatan Bulanan	<RM 2000	54	18.6
	RM 2000- RM 4000	124	42.8
	RM 5000 – RM 9999	97	33.4
	RM 10000- RM 14999	14	4.8
	RM 15000>	1	0.3
Pendidikan	SRP/PMR	4	1.4
	SPM	31	10.7
	Sijil	6	2.1
	Diploma	45	15.5
	Sarjana Muda	78	26.9
	Sarjana	93	32.1
Kategori Pekerjaan	Doktor falsafah	33	11.4
	Akademik	133	45.9
	Eksekutif	56	19.3
	Bukan eksekutif	97	33.4
Tujuan anda bekerja	Lain lain	4	1.4
	Membantu suami	101	35.1%
	Kepuasan diri	147	51.0%
	Keperluan bidang pekerjaan	63	21.9%
	Sumber pendapatan keluarga	82	28.5%

		Lain lain	11	3.8%
Status Suami	Pekerjaan	Bekerja	180	62.1
		Tidak bekerja	23	7.9
		Lain lain	48	16.6
		Bujang	30	10.3
		Meninggal	9	3.1
Kategori Suami	Pekerjaan	Akademik	33	11.4
		Eksekutif	70	24.1
		Bukan Eksekutif	94	32.4
		Lain Lain	87	30.0
		Bujang	3	1.0
		Bekerja Sendiri	3	1.0
Pendapatan Rumah	Isi	<RM 2000	34	11.7
		RM 2000- RM 4000	74	25.5
		RM 5000 – RM 9999	118	40.7
		RM 10000- RM 14999	47	16.2
		RM 15000>	17	5.9
Bilangan Anak		0	97	33.4
		1-3	143	49.3
		4-6	45	15.5
		7>	5	1.7

6. Analisis Data

6.1 Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian rintis dilakukan bagi melihat respons item yang diuji iaitu dari segi pemahaman tentang konsep hak dan aras kesukaran agar set soalan dapat difahami dengan mudah tanpa mengelirukan. Selain itu, kajian ini perlu dilakukan supaya soalan yang diberikan sesuai dengan kajian. Wolf (1997) mencadangkan pemilihan 30 hingga 50 orang untuk menjalani ujian rintis adalah baik. Oleh itu, Sebelum kajian dilakukan kepada responden sebenar, pengkaji telah membuat kajian rintis ke atas 30 responden di UNITEN dan UPNM. Menurut (Muhamad Hanafi, 2016) nilai Alpha Cronbach menghampiri nilai 1 adalah terbaik. Ujian menunjukkan nilai Alpha Cronbach antara 0.794 dan 0.849 iaitu instrumen di dalam soal selidik diterima kerana ciri psikometri dipenuhi dan pengutipan data seterusnya boleh dilakukan. Manakala kebolehpercayaan bagi kajian sebenar ialah 0.794, 0.840 dan 0.849 (lihat jadual 2) dan ketiga-tiga nilai Cronbach Alpha berada pada tahap yang baik. Soal selidik ini juga telah mendapatkan pengesahan daripada dua orang pakar sebelum ia diteruskan iaitu Prof Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga Puan Nurhana Rafiuddin dari UPNM.

Jadual 2. Kebolehpercayaan Instrumen

Konstruk	Nilai Alpha Cronbach	Alpha Cronbach keseluruhan
Kesedaran tentang konsep hak	0.849	
Kesedaran tentang hak wanita dalam rumah tangga (KSRT)	0.794	0.827
Kesedaran tentang hak-hak wanita dalam masyarakat (KHM)	0.840	

6.2 Dapatan dan Perbincangan Hasil Kajian

Berikut adalah dapatan dan perbincangan hasil kajian berkenaan dengan kesedaran wanita tentang hak-hak mereka dalam keluarga dan kerjaya. Hasil kajian ini tertumpu hanya kepada pandangan dan persepsi kakitangan di UNITEN dan UPNM terhadap konsep hak dan hak-hak wanita dalam keluarga dan kerjaya.

Tahap persepsi terhadap kesedaran hak-hak wanita dalam keluarga dan kerjaya menurut prespektif Islam adalah menggunakan kekerapan, peratus dan min seterusnya analisis tahap interpretasi diambil kira daripada nilai empat mata iaitu nilai tertinggi 4.00 dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu rendah (min=1.00-1.33), sederhana (min=1.34-2.67) dan tinggi (min=2.67- 4.00). Jadual 3 menunjukkan interpretasi min yang digunakan dalam kajian Jamil (2002).

Jadual 3. Interpretasi Min

Julat Min	Interpretasi
1.00-1.33	Rendah
1.34-2.67	Sederhana
2.68-4.00	Tinggi

Jadual 4 di bawah menunjukkan skor min bagi kefahaman tentang konsep hak dalam Islam. Min keseluruhan ialah 3.72, iaitu berada pada tahap tinggi. Item yang memperoleh min tertinggi iaitu 3.83 ialah item 3 iaitu kesedaran bahawa hak Allah adalah untuk kebaikan masyarakat umum dan item 4 ialah berkaitan kesedaran bahawa hak Allah tidak boleh diubah. Manakala item 2 tentang hak manusia tidak boleh mengatasi hak Allah juga mendapat skor min tertinggi iaitu 3.79. Daripada jawapan yang telah diberikan, menunjukkan bahawa staf wanita memahami tuntutan agama dan keperluan untuk tunduk dan patuh kepada hukum hakam Allah SWT.

Jadual 4. Taburan Min Keseluruhan Bagi Kefahaman Tentang Konsep Hak Dalam Islam

Item	Min	Tahap
1 Saya memahami bahawa tuntutan hak mesti selari dengan pelaksanaan tanggungjawab	3.50	Tinggi
2 Saya memahami bahawa hak manusia tidak boleh mengatasi hak Allah	3.79	Tinggi
3 Saya memahami bahawa hak Allah adalah untuk kebaikan masyarakat umum	3.83	Tinggi
4 Saya memahami bahawa hak Allah tidak boleh diubah	3.83	Tinggi
5 Saya memahami bahawa hak manusia boleh diubah dan ditambahbaik selagi tidak bertentangan dengan hak Allah	3.71	Tinggi
6 Saya memahami bahawa pemberian hak dalam Islam bermatlamat untuk menjaga agama, nyawa dan kehidupan, maruah dan keturunan, akal fikiran dan pemilikan harta	3.76	Tinggi
7 Saya memahami bahawa hak wanita tidak semestinya sama dengan lelaki untuk mencapai kesaksamaan/keadilan	3.59	Tinggi
Min keseluruhan	3.72	Tinggi

Walau bagaimanapun, item 1 iaitu kesedaran tentang tuntutan hak mesti selari dengan pelaksanaan tanggungjawab berada pada skor minima paling rendah iaitu 3.50 dalam persoalan berkenaan konsep hak. Skor minima terendah juga didapati dalam soalan ke 7 iaitu tentang kefahaman bahawa hak wanita tidak semestinya sama dengan lelaki untuk

mencapai kesaksamaan/keadilan. Rumusan boleh dibuat bahawa staf wanita kurang memahami tentang konsep kelestarian hak dan tanggungjawab untuk mencapai keseimbangan atau keadilan dalam hidup.

Dalam isu ini juga, kemungkinan responden kurang memahami konsep hak dalam Islam dan juga konsep kesaksamaan atau 'equality'. Maksud kesaksamaan atau 'equality' menurut University of Edinburgh, 2013 ialah "*memastikan seseorang individu atau sekumpulan individu dilayan dengan adil dan saksama dan tidak berat sebelah, khusus untuk keperluan mereka, termasuk yang berkaitan dengan bangsa, jantina, kecacatan, agama atau kepercayaan, orientasi seksual dan umur*". Ini ditegaskan dalam penulisan Awang, & Nik Saleh, (2018: 943), kesaksamaan tidak semestinya memberi maksud 'sama' tetapi adil dan seimbang "*kesaksamaan tidak semestinya sama dalam semua aspek tetapi kesaksamaan adalah adil. Keadilan merupakan objektif utama dalam pengertian kesaksamaan. Oleh kerana kesaksamaan ditakrifkan sebagai adil, diperlakukan 'sama' antara wanita dan lelaki adalah tidak adil kerana wanita dan lelaki adalah berbeza seksnya dan begitu juga individu yang mempunyai latar belakang agama dan budaya yang berbeza tidak adil diperlakukan sama kerana mereka sebenarnya berbeza samada secara fitrah dan hampir keseluruhan tatacara hidup*".

Manakala konsep hak dalam Islam mesti difahami bahawa ia datang bersama-sama tanggungjawab untuk mencapai keadilan. Ini kerana manusia bukan sahaja bertanggungjawab pada diri sendiri tetapi juga dipertanggungjawabkan oleh Allah dengan peranan dan tanggungjawab sebagai khalifah dalam masyarakat. Menurut kajian Ismail (2017: 201), antara elemen pengurusan keluarga dan kerjaya dalam Islam ialah setiap individu samada wanita mahupun lelaki perlu menghayati tuntutan beragama antaranya sepuluh ciri dalam Surah al-Ahzab ayat 35. Sepuluh ciri tersebut ialah Islam, beriman, taat, benar, sabar, merendahkan diri, bersedekah, berpuasa, menjaga maruah dan banyak mengingati Allah SWT. Dalam pelaksanaan hak dan tanggungjawab tersebut, Islam menerima kepelbagaian latarbelakang dan keupayaan, perbezaan biologi (hormon lelaki/perempuan), fisiologi (sistem organ dalam badan), psikologi (waras/gila) dan geografi (mazhab/budaya) seseorang malah kepercayaan. Dengan memahami falsafah kelestarian hak dan tanggungjawab ini maka keadilan, keseimbangan dan kebahagiaan hidup dunia akhirat akan tercapai.

Dapatan dalam Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa kefahaman wanita Unites dan UPNM tentang hak Allah adalah sangat tinggi. Ini kerana responden memahami bahawa:

- i. Hak Allah adalah untuk kebaikan masyarakat umum
- ii. Hak Allah tidak boleh diubah
- iii. Hak manusia tidak boleh mengatasi hak Allah

Manakala Jadual 5 menunjukkan skor min bagi tahap kesedaran tentang hak wanita dalam rumah tangga. Daripada skor yang diperolehi, didapati semua item berada pada tahap tinggi dan nilai min keseluruhan tahap kesedaran tentang hak wanita dalam rumah tangga ialah min 3.59. Item 6, 7 dan 5 memperoleh min tertinggi iaitu:

- i. Isteri berhak diberi nafkah (material dan emosi).
- ii. Isteri berhak dimaklumkan sekiranya suami berpoligami
- iii. Isteri berhak disantuni dengan baik.

Jadual 5. Taburan Min Keseluruhan Bagi Kesedaran Tentang Hak Wanita Dalam Rumahtangga

Item	Min	Tahap
1 Konsep perkahwinan adalah berdasarkan perkongsian antara lelaki dan wanita	3.58	Tinggi
2 Peranan seorang wanita berbeza dengan lelaki bersesuaian dengan fitrah.	3.59	Tinggi
3 Peranan utama seorang wanita ialah sebagai isteri dan ibu.	3.45	Tinggi
4 Wanita tidak dipertanggungjawabkan untuk mencari nafkah.	3.33	Tinggi
5 Seorang isteri berhak disantuni dengan baik.	3.71	Tinggi
6 Seorang isteri berhak diberi nafkah (material dan emosi).	3.73	Tinggi
7 Seorang isteri hendaklah dimaklumkan sekiranya suami berpoligami	3.74	Tinggi
Min keseluruhan	3.59	Tinggi

Rumusan yang boleh dibuat hasil daripada soalan dalam item 4 Jadual 5 menunjukkan bahawa wanita Muslim di UNITEN dan UPNM perlu diberikan pendedahan yang lebih jelas tentang isu nafkah dalam rumah tangga memandangkan persoalan tentang wanita tidak dipertanggungjawabkan untuk mencari nafkah mendapat min terendah. Isu-isu berkaitan nafkah sering menjadi sebab kepada punca permasalahan dalam rumahtangga. Malah isu berhenti kerja, tidak puas hati dengan majikan dan tekanan di tempat kerja telah menyebabkan timbulnya isu kepincangan rumahtangga apabila pekerja tidak dapat memberikan tumpuan terhadap keluarga dengan baik selain tekanan dan kesihatan mental (Ismail, 2017: 197). Walau bagaimanapun, dalam Jadual 6 di bawah, dapatan kajian menunjukkan bahawa 35.1 peratus wanita bekerja untuk membantu suami manakala 28.5 peratus bekerja kerana merupakan sumber pendapatan utama keluarga, 21.9 peratus bekerja kerana keperluan bidang pekerjaan dan yang paling tinggi peratusannya ialah bekerja untuk kepuasan diri iaitu 51.0 peratus. Daripada hasil kajian ini sokongan suami dan juga majikan amat penting untuk wanita mencapai keseimbangan kerjaya dan keluarga.

Jadual 6. Penyebab Wanita Bekerjaya

Sebab	Bilangan	Peratusan
1 Membantu suami	101	35.1%
2 Kepuasan diri	147	51.0%
3 Keperluan bidang pekerjaan	63	21.9%
4 Sumber pendapatan keluarga	82	28.5%

Dapatan di atas juga disokong oleh hasil kajian yang menunjukkan bahawa wanita bekerjaya yang tidak bergantung kepada ekonomi suaminya selalunya akan memperjuangkan haknya sehingga menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian (Hwa, 2017: 35-36). Di Malaysia, peningkatan kes perceraian sebanyak 21, 553 kes pada tahun 2005 kepada 45, 951 kes pada tahun 2015 telah direkodkan. Ada di antara wanita-wanita yang bekerja tidak dapat memainkan peranan isteri dan ibu dengan baik. Besar kemungkinan mereka menghadapi “strain” atau gangguan psikologi, mental dan emosi apabila mereka cuba menggabungkan peranan-peranan tradisional mereka sebagai isteri dan ibu dengan peranan baru mereka sebagai pekerja (Abdullah, 1985: 81). Oleh yang demikian, penyelesaian masalah atau kaunseling bagi wanita bekerjaya untuk mencapai keseimbangan antara keluarga dan kerjaya amat diperlukan terutama berkaitan nafkah dan kerjaya.

Jadual 7 di bawah pula menunjukkan skor min bagi tahap kesedaran tentang hak wanita dalam masyarakat atau kerjaya. Daripada jadual 7 didapati semua item berada pada tahap tinggi dan nilai min keseluruhan tahap kesedaran tentang hak wanita dalam

masyarakat ialah min 3.54, iaitu berada pada tahap tinggi. Item 2 berkenaan hak menuntut ilmu bagi wanita memperoleh min tertinggi, sebanyak 3.67. Item 5 berkenaan wanita boleh dilantik sebagai pemimpin dalam masyarakat mendapat nilai min paling rendah, iaitu 3.32, namun masih berada pada tahap tinggi. Penjelasan dan pemahaman terhadap kategori pemimpin yang dimaksudkan adalah amat penting agar tidak timbul salah faham bahawa wanita hanya menjadi pekerja kelas kedua berbanding lelaki dalam kerjaya. Hakikatnya penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan sama ada bekerja sendiri atau mempunyai majiikan sehingga kepada urusan kenegaraan dan pembuatan dasar, bukanlah suatu penglibatan atau pencapaian baru (Ismail, S. S. H, 2017: 196). Walau bagaimanapun, hak wanita perlu difahami dalam konteks yang berbeza apabila ia berkaitan hak kepimpinan dalam rumahtangga.

Matlamat pembangunan lestari (SDG) untuk wanita dilihat bertepatan dengan hak dan peranan wanita dalam Islam. Peranan wanita dalam Islam dilihat penting dalam pembangunan masyarakat lebih-lebih lagi keluarga yang akhirnya membentuk masyarakat. Ini kerana untuk mencapai pembangunan lestari, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Setiap wanita perlu menyedari bahawa peranan utama mereka secara fitrah ialah membangunkan modal insan dalam sebuah keluarga dan seterusnya membina modal sosial dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, peranan utama wanita tidak menyekat mereka untuk berkecimpung dalam bidang kerjaya dan memanfaatkan masyarakat secara umum. Ini dibukti daripada fakta yang menyatakan wanita dapat meningkatkan KDNK negara sebanyak 0.4 peratus setiap tahun (Zainuddin, & Aboo Talib, 2018: 1).

Jadual 7. Taburan Min Keseluruhan Bagi Kesedaran Tentang Hak Wanita Dalam Masyarakat

Item	Min	Tahap
1 Wanita berhak mengutarakan pendapat	3.66	Tinggi
2 Peluang menuntut ilmu tidak terbatas bagi Wanita	3.67	Tinggi
3 Wanita boleh bersaing dengan lelaki dalam membina kerjaya	3.59	Tinggi
4 Keupayaan wanita dalam memiliki harta adalah tidak terbatas	3.59	Tinggi
5 Wanita boleh dilantik sebagai pemimpin dalam masyarakat	3.32	Tinggi
6 Wanita mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama dengan lelaki dalam urusan pentadbiran	3.41	Tinggi
Min keseluruhan	3.54	Tinggi

Manakala Jadual 8 di bawah menunjukkan skor min bagi tahap kesedaran tentang hak-hak wanita dalam peruntukan undang undang. Ia termasuk peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam dan juga undang-undang buruh. Daripada jadual 8 di bawah didapati semua item berada pada tahap tinggi dan nilai min keseluruhan tahap kesedaran tentang hak hak wanita dan peruntukan undang undang ialah min 3.42. Nilai min keseluruhan dalam Jadual 8 mendapati bahawa wanita mempunyai kesedaran yang rendah dalam peruntukan undang-undang berbanding kesedaran hak dalam keluarga dan masyarakat. Walau bagaimanapun, item 5 berkaitan tanggungjawab suami dalam menanggung nafkah anak memperoleh min tertinggi, sebanyak 3.68. Dapatan ini menunjukkan bahawa wanita sedar bahawa tanggungjawab suami menanggung nafkah anak terdapat dalam peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun, mereka tetap bekerjaya atas alasan kepuasan diri, membantu suami dan kerana tiada pilihan kerana menjadi punca pendapatan keluarga.

Manakala item 8 dalam Jadual 8 mengenai waktu maksima bekerja merupakan item yang paling rendah nilai min, iaitu 3.13. Manakala item 2 berkenaan kesedaran wanita tentang hak mereka untuk membubarkan perkahwinan sebagaimana terdapat dalam

peruntukan undang-undang juga berada pada tahap min terendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa wanita kurang mengambil perhatian tentang hak-hak mereka dalam peruntukan undang-undang. Keadaan ini boleh menyebabkan wanita mudah ditipu, ditindas dan dieksploitasi oleh sesetengah individu. Ini bertepatan dengan kajian yang menunjukkan bahawa wanita bekerjaya yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi juga sering dianiayai dan didiskriminasi di tempat kerja (Ibrahim, 2017: 15). Oleh yang demikian, wanita perlu sedar tentang pentingnya ilmu dan peruntukan undang-undang berkaitan hak-hak mereka terutama berkaitan kerjaya dan keluarga.

Selain itu, polisi pekerjaan yang memenuhi keperluan wanita juga perlu diperkemas oleh kerajaan dan disokong oleh pihak majikan seperti waktu kerja anjal yang mengambilkira keperluan wanita, elaun/skim pembantu rumah harian yang berdaftar, pemandu wanita yang kompeten, taska yang mencukupi di pejabat dan seumpamanya. Ini kerana dalam kajian yang dibuat pada tahun 1985, walaupun pekerjaan telah mengubah keadaan wanita dalam masyarakat dalam ertikata bahawa mereka dapat berdikari dari segi ekonomi tetapi struktur formal di tempat kerja telah mengongkong mereka (Abdullah, 1985:85). Pekerja-pekerja wanita terpaksa mematuhi peraturan-peraturan kerja tertentu seperti berada di tempat kerja pada masa yang ditetapkan, tidak dibenarkan membawa anak bersama-sama, tidak boleh pulang ke rumah sesuka hati dan seumpamanya. Manakala dalam kajian Zainuddin, & Aboo Talib (2018: 8) informan berpendapat bahawa inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan agak ketinggalan dan tidak praktikal kerana keperluan yang disediakan pada masa kini mengambil kira keperluan 30 tahun yang lalu iaitu sudah ketinggalan zaman.

Jadual 8. Taburan Min Keseluruhan Bagi Kesedaran Tentang Hak Wanita Dalam Peruntukan Undang Undang

Item	Min	Tahap
1 Saya mengetahui Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam memperuntukkan tentang hak dan prosedur sebelum, semasa dan selepas perkahwinan.	3.32	Tinggi
2 Saya mengetahui terdapat peruntukan bagi isteri untuk membubarkan perkahwinan.	3.29	Tinggi
3 Saya mengetahui Mahkamah mempunyai kuasa memerintah suami untuk memberikan nafkah kepada isteri atau bekas isteri.	3.52	Tinggi
4 Saya mengetahui isteri atau bekas isteri boleh menuntut tunggakan nafkah semasa atau selepas perkahwinan.	3.52	Tinggi
5 Saya mengetahui suami berkewajipan menanggung nafkah anak.	3.68	Tinggi
6 Saya mengetahui majikan boleh menjatuhkan hukuman berat terhadap seseorang yang didapati bersalah dalam kes gangguan seksual di tempat kerja.	3.52	Tinggi
7 Saya mengetahui adalah menjadi satu kesalahan jika majikan memecat pekerja wanita semasa cuti bersalin.	3.42	Tinggi
8 Saya mengetahui waktu maksima bekerja dalam seminggu ialah 48 jam.	3.13	Tinggi
Min keseluruhan	3.42	Tinggi

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa pekerja wanita Muslim di UNITEN dan UPNM mempunyai kesedaran yang tinggi tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam kerjaya dan keluarga. Walau bagaimanapun, jawapan tidak setuju atau amat tidak setuju pada sesetengah soalan asas yang diajukan untuk jawapan sangat setuju menunjukkan bahawa mereka masih belum mempunyai kefahaman yang sepatutnya tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan kerjaya. Antaranya ialah berkaitan peruntukan

undang-undang, tanggungjawab mencari nafkah dan keseimbangan tanggungjawab wanita dalam kerjaya dan masyarakat.

Antara isu penting yang diajukan dalam kajian ini untuk mencapai keseimbangan hak dan tanggungjawab wanita ialah berkenaan kefahaman tentang konsep hak dalam Islam. Para wanita dan tidak terkecuali juga lelaki, perlu memahami bahawa untuk mencapai keadilan, keseimbangan dan keharmonian dalam hidup, tuntutan hak mesti selari dengan tanggungjawab. Mereka juga perlu menyedari bahawa untuk keseimbangan dan keharmonian hidup, hak Allah perlu didahulukan berbanding hak individu. Dalam konteks ini, wanita perlu memahami bahawa kefahaman agama adalah amat signifikan untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan keluarga. Allah SWT menjadikan makhlukNya dalam kepelbagaian termasuk lelaki dan wanita adalah untuk saling tolong-menolong dan saling lengkap-melengkapi. Dengan merujuk kepada matlamat kejadian Hawa di sisi Adam AS adalah untuk melengkapkan kehidupan Adam yang mana kedua-duanya adalah hamba Allah SWT dan berperanan sebagai khalifah di muka bumi. Mereka berkongsi hak dan tanggungjawab yang mungkin sama dan mungkin juga berbeza dan saling bantu membantu secara baik untuk melengkapkan keperluan dan kemahuan hidup secara fitrah. Begitu juga dalam kehidupan wanita bekerjaya yang telah berkeluarga, tanggungjawab sebagai suami isteri perlu dikongsi dan keutamaan perlu diberikan kepada peranan utama yang telah ditentukan oleh syarak.

Setiap wanita mesti menyedari bahawa mereka mempunyai peranan yang besar dalam mendidik generasi dan masyarakat ke jalan yang direstui oleh Allah SWT. Ia bermula daripada pembentukan dan pembinaan anak-anak dalam sebuah keluarga. Memandangkan wanita hari ini juga terlibat dalam pembangunan masyarakat dan membangunkan ekonomi keluarga dan negara, sistem dan polisi dalam organisasi perlu mengambilkira keperluan wanita dalam rumahtangga agar matlamat pembangunan lestari dapat dicapai dengan adil dan saksama. Justeru, untuk memperkasa golongan wanita melalui kesaksamaan gender tidak semestinya melihat kepada keperluan yang sama antara wanita dan lelaki tetapi melihat kepada keadilan dan kehidupan yang saling melengkapi antara wanita dan lelaki untuk mencapai kebahagiaan hidup.

Kajian ini juga mendapati bahawa kesedaran wanita tentang peruntukan undang-undang keluarga Islam dan undang-undang buruh berada pada tahap paling rendah. Sebarang penindasan, penganiayaan dan diskriminasi terhadap wanita mungkin boleh berlaku disebabkan oleh kejahilan mereka tentang hak-hak mereka sendiri dalam peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, wanita bekerjaya mahupun suri rumahtangga perlu memantapkan ilmu berkaitan hak dan tanggungjawab mereka sebagaimana diperuntukkan di dalam Al-Quran dan Sunnah serta undang-undang sivil agar mereka menyedari hak mereka dan boleh bertindak dengan bijak sekiranya berlaku penganiayaan daripada individu dan sistem yang zalim.

RUJUKAN

- Abdullah, F. (1985). Wanita dan pekerjaan: Satu analisis konflik peranan. *Akademika*. 27, 77-93.
- Awang, N. & Nik Saleh, N. S. S. (2017). The attributes of 'rights' in Islamic and international jurisprudence: a comparative view. *Journal of Governance and Development*, 13(1), 83-108.
- Awang, N. & Nik Saleh, N. S. S. (2018). Constructive harmonisation of Islamic family law and the women's convention. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*. 99, 941-951.

- Hwa, C. C. (2017). Peranan wanita dalam pembangunan ekonomi negara: dulu, kini dan masa hadapan. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Haji Zainal (Eds.), *Women and development in the 21st century: the way forward*. (pp 29-39). Cyberjaya, Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Ibn Kathir, I. (2005). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim, C. A. (2017). Kesaksamaan hak: wanita membina masyarakat rahmah dan peradaban dunia 2030. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Haji Zainal (Eds.), *Women and development in the 21st century: the way forward*. (pp 15-27). Cyberjaya, Selangor. Universiti Islam Malaysia.
- Ismail, S. S. H. (2017). Mengurus antara keluarga dan kerjaya organisasi: analisis melalui pendekatan al-tadayyun, al-maqasid dan al-wasatiyyah. *Akademika*, 87(3), 195-206.
- JAKIM. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Majid, A. M., & Saleh Hudin, M. H. Z. (2017). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 40-53.
- Mohammad, M. T. (2003). *Rights and duties in shariah and common law*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn.Bhd
- Mokhtar, M. N. (2016). Hak dan tanggungjawab wanita menurut Islam: antara teks dengan konteks. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Haji Zainal (Eds.), *Women's rights and responsibilities-between text and context* (pp 97-110). Cyberjaya, Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Muhamad Hanafi, N. (2016). Pembangunan dan penentusahan rubrik pentaksiran prestasi bagi mentaksir projek reka bentuk seni bina di politeknik Malaysia. (Doctoral Dissertation). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Musa, N., Husin, A. & Amin, S. M. N. A. (2018). Semakan dasar wanita Kelantan: penambahbaikan pelaksanaan ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan. *Akademika*, 88(3), 137-150.
- Nazri, N. J. Z., et al. (2016). Progressive muslims approach to hadith texts: women issues in focus. Dlm. Badlihisam Mohd Nasir, Asmak Husin & Nurhafilah Musa (Pnyt.). *Wanita Islam Kontemporari Isu-Isu, Cabaran & Amalan Terbaik. Muslimah International Summit Kelantan 2016*, 127-140. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Nik Saleh, N. S. S. (2012). A conceptual analysis of 'rights' in the international and Islamic human rights instruments. *American International Journal of Contemporary Research*, 2(4), 155-164.
- <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hak> (Akses pada 30 Oktober 2019).
- Rahman, S. N., Kashim, M. I. & Pitchan, M.A. (2017). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: perbincangan dari perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12, 1-15.
- Zainuddin, A. & Aboo Talib, K. K. (2018). Konsep mengarusperdanakan gender: kajian wanita dalam pekerjaan di Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 15(1), 1-10.
- Zin, M. N. (2017). Protecting the rights of working mothers: are the laws adequate. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Haji Zainal (Eds.), *Women and development in the 21st century: the way forward*. (pp 90-91). Cyberjaya, Selangor: Universiti Islam Malaysia.

Biografi Penulis

Dr. Nurulbahiah binti Awang, adalah seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Kemanusiaan dan Sains Sosial, Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional. Beliau mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang undang-undang dan Syariah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan melanjutkan pengajian sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang yang sama. Tesis sarjana beliau adalah berkaitan perbankan Islam. Beliau telah berkhidmat sebagai Eksekutif Undang-Undang di Kolej Polytech Mara selama 5 tahun sebelum berkhidmat sebagai pensyarah bagi subjek pengajian Islam di Universiti Tenaga Nasional bermula tahun 2009. Pada tahun 2018 beliau menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Sains Islam Malaysia dalam pengkhususan hak-hak wanita dalam undang-undang keluarga Islam. Beliau telah berjinak dengan dunia penulisan akademik berkaitan hak-hak wanita dalam keluarga dan kerjaya dan juga berkaitan zakat dan pendidikan Islam semenjak tahun 2010.